

BAB DUA

CIRI-CIRI MAKNA DAN PERANANNYA DALAM MENENTUKAN PADANAN MAKNA

2.0 Pendahuluan

Secara umumnya makna memainkan peranan penting dalam penterjemahan. Terjemahan ialah salah satu aktiviti yang dilakukan oleh manusia untuk berkomunikasi di antara satu bahasa dengan bahasa yang lain. Penterjemahan dikatakan ‘mempunyai makna yang sama’ dengan teks asal. Namun tidak semua perkataan hanya mempunyai satu makna sahaja. Walau dalam bahasa apa sekalipun, terdapat perkataan mempunyai banyak makna dan para ahli bahasa sering berselisih pendapat tentang maksud makna dan cara pendekatan yang harus digunakan untuk menerangkan makna.

2.1 Pengertian Makna

Seringkali apabila kita membaca sesuatu teks dan kita bertemu dengan sesuatu perkataan atau istilah yang agak sukar difahami kita akan bertanya, “Apa makna perkataan ataupun istilah ini?”. Namun adakah kita memahami

apakah yang dimaksudkan dengan ‘makna’ itu sendiri? Sebenarnya kajian tentang makna telah lama dilakukan. Persoalan mengenai ‘apakah itu makna?’ telah dibahasakan oleh ahli-ahli falsafah sejak lebih dua ribu tahun yang lalu namun tidak ada sesiapaupun yang telah menghasilkan suatu jawapan yang memuaskan (John Lyons, 1994:156). Sarjana Yunani dan Romawi seperti Plato dan Aristotle telah mengkaji tentang makna dan perubahan makna. Perubahan makna menjadi perhatian penting ahli sarjana tersebut kerana dalam perhatian mereka, ia berhubung dengan cara pemikiran dan nilai manusia.

Menurut sejarah, Aristotle iaitu ahli falsafah Yunani merupakan pemikir pertama yang menggunakan istilah makna melalui batasan pengertian makna. Menurut Aristotle, ‘kata’ adalah satuan terkecil yang mengandungi makna. Dalam hal ini Aristotle dipetik daripada Abd. Hadi Abdullah (1998:53-54) juga mengungkap bahawa:

“makna kata dapat dibezakan antara yang hadir daripada kata itu secara autonomus, serta makna kata yang hadir akibat terjadinya hubungan gramatis”.

Walaupun pengertian tentang makna ini telah dibicarakan dan dibahasakan oleh ahli-ahli pemikir ternama sejak dulu lagi namun takrif yang tepat dan tuntas tidak dapat diberikan (S. Nathesan 2002:20). Menurut Ainon Muhammad dan Abdullah Hassan (2005:128),

“sehingga hari ini belum ada orang yang dapat membuat takrif tentang ‘makna’. Perkataan ‘makna’ hanya sering dimaknakan sebagai erti, maksud, tujuan atau definisi. Justeru, makna sesuatu perkataan merujuk kepada pelbagai benda yang menepati sesuatu konsep”. Perkataan ‘beg’ merujuk bermacam-macam rupa dan bentuk yang boleh disebut beg. Ada ‘beg besar’, ada ‘beg kecil’, ‘beg galas’, ‘beg selempang’, ‘beg bimbit’, ‘beg kain’, ‘beg kertas’, ‘beg plastik’ dan bermacam-macam lagi. Dengan lain perkataan, perkataan ‘beg’ tidak merujuk satu benda yang disebut ‘beg’. Sebaliknya ia merujuk suatu konsep, iaitu “suatu bekas yang kebiasaannya bertali atau mempunyai pemegang, yang boleh diisi barang-barang bagi memudahkan barang-barang itu dibawa ke mana-mana”.

Berdasarkan contoh itu, perkataan ‘beg’ merujuk ribuan, malah mungkin jutaan benda-benda yang menepati konsep tersebut.

Jika melihat kepada pendapat yang telah dikemukakan kita boleh menyatakan bahawa makna adalah idea atau konsep yang boleh dipindahkan daripada fikiran penutur kepada fikiran pendengarnya yang akan menghasilkan satu bahasa atau bahasa yang lain. Namun pengenalan makna dengan konsep tidak akan membantu kita untuk menjawab soalan ‘Apakah itu makna?’ sehingga istilah konsep itu didefinisikan dengan jelas. Penggunaan istilah ini adalah terlalu am dan tidak jelas untuk

memberikannya satu teori konsep asas yang diperlukan. Apakah konsep sepunya bagi perkataan-perkataan seperti *أَيُّ وَاحِدٌ, اسْمٌ, التَّقَدُّمُ, تَلْمِيذٌ, مَدْرَسَةٌ*, *أَنَا, لِي, سَنَةٌ, أَنَا, ثَلَاثَةٌ, كَتَبَ*? Dalam sesetengah kes, kita dapat mengatakan bahawa konsep yang berkaitan adalah satu imej visual tetapi kita tidak boleh mengatakan begitu untuk perkataan seperti *أَنَا, هَذِهِ* ataupun *لِأَجْلِ*. Justeru tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa konsep adalah relevan untuk pembinaan sebuah teori semantik linguistik yang berjustifikasi dan empirik walau sejelas mana diterangkan sekalipun (John Lyons, 1994:157).

Justeru daripada mengemukakan persoalan “Apakah itu makna?”, kita sepatut bertanya “Apakah makna ‘makna’?”. Persoalan “Apakah maknanya makna?” ini telah lama dibincangkan oleh bukan sahaja tokoh-tokoh linguistik bahkan oleh tokoh-tokoh dalam pelbagai bidang termasuklah falsafah, teologi, sosiologi dan psikologi (Zulkifli Hamid 1994:44). Pelbagai pengertian dan pendapat telah diberi. Polanyi (Polanyi dan Prosch,1975) mengatakan,

“Manusia hidup di sekitar makna-makna yang berupaya ditafsirkannya. Dia melibatkan dirinya dalam suasana yang sejajar dengannya dan tidak asing baginya. Makna-makna boleh wujud dalam pelbagai bentuk dan rupa”.

Wittgenstein (dalam Ullman, 1974) menghuraikan pengertian ‘makna’ seperti berikut:

“Untuk sebahagian besar kes, walaupun tidak untuk semua, apabila kita menggunakan perkataan ‘makna’, ia dapat dikatakan makna sesuatu kata bergantung kepada cara ia digunakan dalam sesuatu bahasa”.

Bertrand Russel (dalam Ulman, 1974) menyokong pendapat Wittgenstein dengan mengatakan:

“Sesuatu kata mempunyai makna yang kabur dan makna yang jelas hanya dapat diperolehi dengan melihat cara ia diguna: penggunaannya dahulu dan makna diperolehi melalui penggunaan itu”.

Manakala ulama’ bala:ghat terkenal al-’Ima:m ‘Abd al-Qa:hir al-Jurja:niyy dalam kitabnya Dala’il al-’I’ja:z ada juga menyentuh tentang makna ‘makna’ di mana beliau menjelaskan:

“Perkataan terbahagi kepada dua. Pertama dengannya sampai tujuan penutur dengan hanya melalui makna leksikal. Kedua pula ialah jenis perkataan yang bukan sahaja perlu kepada makna leksikal, tetapi melalui makna leksikal itu akan wujudlah makna lain yang dikehendaki oleh penutur. Justeru ‘makna’ bermaksud makna yang difahami melalui pengucapan tanpa pengantaraan”..

(al-Jurja:niyy 1989:184)

Pendapat ini turut disokong oleh para sarjana bahasa moden.

Antaranya Ahmad al-Mutawakkil yang di dalam penulisananya antara lain menyebut:

“Terdapat dua jenis makna: Makna penutur dan makna leksikal. Makna penutur adalah makna yang dikehendaki oleh penuturnya yang mengandungi tujuan dan niat manakala makna leksikal pula adalah makna yang terkandung dalam sesuatu perkataan yang berkait antara satu sama lain melalui percakapan dan ujaran seseorang”.

(‘Ahmad al-Mutawakkil 2006:180)

Melalui pandangan-pandangan yang dikemukakan, kebanyakan ahli linguistik berhujah bahawa perkataan menjadi bermakna jika dilihat dalam konteks (S. Nathesan 2002:20). Ada juga yang berpendapat bahawa bahasa, pada amnya bersifat taksa, tetapi akan menjadi bermakna jika dilihat dalam konteks penggunaannya (Ibid 2002:20). Umpamanya, perkataan ‘kawat’ tidak jelas maknanya kerana ‘kawat’ mendukung beberapa makna. ‘Kawat’ boleh membawa erti ‘tali yang diperbuat daripada logam’, ‘telegram’, ‘dawai yang berduri’, atau ‘berbaris atau berjalan dengan rentak yang sama’ (Kamus Dewan:590). Jadi, makna yang mana harus menjadi pilihan?. Makna perkataan ‘kawat’ akan menjadi lebih jelas dalam konteks ayat seperti ‘Askar-askar sedang menjalani latihan kawat di padang’. Dalam ayat ini,

perkataan ‘kawat’ membawa erti ‘berbaris atau berjalan dengan rentak yang sama’. Di sini dapat diperhatikan kesukaran untuk menentukan makna sebenar yang dimaksudkan daripada sesuatu ujaran. Namun, sekiranya ujaran itu menjadi sebahagian daripada perbualan, mungkin akan lebih jelas makna ujaran tersebut. Untuk lebih jelas, cuba kita perhatikan satu lagi penggunaan perkataan dalam ayat berikut:

1. Saya makan *lembu*.
2. Saya makan, *lembu*.

Perkataan ‘lembu’ yang digunakan dalam kedua-dua ayat di atas dapat diberikan beberapa pengertian atau tafsiran. Dalam ujaran di atas, nyatalah bahawa bukan kedua-dua perkataan ‘lembu’ membawa makna seperti yang disenaraikan dalam entri kamus iaitu ‘sejenis binatang ternakan untuk mendapatkan susu dan dagingnya’ (Kamus Dewan:790). Dengan demikian, dalam ayat 1, perkataan ‘lembu’ membawa makna ‘sejenis binatang yang ditenak untuk mendapatkan daging dan susunya’. Namun dalam ayat 2, perkataan ‘lembu’ tidak merujuk kepada sejenis binatang peliharaan, tetapi digunakan untuk merujuk kepada manusia sebagai sindiran atau penghinaan sebagaimana simpulan bahasa yang biasa kita dengar iaitu ‘bodoh macam lembu’ (S. Nathesan 2002:20-21).

Adalah sesuatu yang sukar untuk mengkaji secara objektif terhadap makna sesuatu perkataan berbanding dengan pengkajian terhadap bidang-bidang lain seperti bidang fonologi morfologi dan juga sintaksis. Para ahli bahasa telah menggunakan beberapa pendekatan untuk tujuan pengkajian makna yang pada asasnya mempunyai tujuan yang sama. Terdapat beberapa teori dan kaedah yang telah dikemukakan untuk mendefinisikan makna sesuatu kata atau lexis. Antaranya ialah Teori Imej Makna atau Teori Segi Tiga Semiotik (Ogden dan Richards, 1923:233), Teori Medan Makna atau Teori Medan (Trier, 1934), Teori Behaviorisme (Bloomfield, 1935), Teori Analisis Komponen Makna (Trubetzkoy, 1939; Hjelmslev, 1953 dan Jakobson, 1936 (dilihat dalam Lyons, 1977:317-8), Teori Keperihalan Keadaan (Firth, 1957), Teori Logik Simbolik dan berbagai-bagai lagi. Lyons (1994) juga telah mengemukakan beberapa teori yang turut boleh diaplikasikan dalam mentakrifkan makna. Antaranya:

- a) Teori Refrensial iaitu makna ujaran ialah apa yang dirujuknya. Contohnya 'lelaki' bermakna golongan lelaki atau sifat yang dikongsi oleh semua lelaki.
- b) Teori Ideasional atau Teori Mentalistik iaitu makna ujaran ialah idea atau konsep yang berkaitan dengannya dalam fikiran orang yang mengetahui. Contohnya 'hitam' adalah semua gambaran tentang konsep warna tersebut yang difikirkan oleh penuturnya.

c) Teori Behavioris iaitu makna ujaran ialah ransangan yang mencetuskannya atau kedua-duanya sekali pada suatu ketika yang tertentu bagi sesuatu ujaran.

Setelah memerhatikan kesemua teori di atas, penulis membuat kesimpulan bahawa kesemuanya boleh diaplikasikan dalam menentukan ruang lingkup makna sesuatu perkataan. Namun begitu, teori yang agak biasa digunakan untuk mengklasifikasikan makna mengikut medan-medan tertentu ialah Teori Medan Makna atau Teori Medan yang diasaskan oleh Josh Trier seorang pengkaji bahasa dari Jerman sekitar tahun 1931-1934. Teori ini boleh digunakan untuk mendeskripsikan makna kata yang termasuk dalam satu kumpulan, di bawah satu domain ataupun yang dikategorikan dalam satu medan, termasuk yang bersifat homonim.

Walaupun teori-teori di atas tidak dapat menjawab persoalan makna dengan tepat, namun ia dapat membantu menerangkan ciri-ciri identiti makna iaitu bila masanya terdapat dua ekspresi yang berbeza tetapi mempunyai makna yang sama atau bila makna-makna itu berbeza. Teori-teori ini juga dapat menjelaskan secara deskriptif sifat-sifat semantik dan hubungan yang terdapat pada ekspresi berkenaan.

Sebagai kesimpulannya, melalui pelbagai pandangan, teori dan pemahaman mengenai makna yang telah dikemukakan oleh para ahli linguistik semenjak dahulu hingga kini dapatlah dirumuskan bahawa kata-kata yang sering digunakan sehari-hari tidak mempunyai satu makna yang amat jelas. Bahkan perkataan ‘makna’ itu sendiri tidak terkecuali. Oleh yang demikian, bukanlah sesuatu yang memeranjatkan jikalau tidak ada persefahaman di kalangan ahli linguistik terhadap sempadan makna itu.

2.2 Jenis-jenis Makna Perkataan

Setelah mengetahui takrifan dan pengertian makna, kita juga perlu mengetahui bahawa makna mempunyai pelbagai jenis dan kelas. Ramai daripada kalangan sarjana yang mengelaskan makna kepada pelbagai pengkhususan, namun penulis akan membawakan pengkelasan makna yang dibuat oleh Ainin Mohd dan Abdullah Hassan dalam buku *Teori dan Teknik Terjemahan*. Penulis merasa tertarik dengan pengkelasan yang dilakukan kerana mengambil kira konsep makna itu sendiri dari pelbagai sudut. Secara khususnya makna dikelaskan kepada (Ainin Mohd dan Abdullah Hassan 2005:135-150):

- (a) Makna Rujukan
- (b) Makna Konotasi
- (c) Makna Emosi

(d) Makna Pantangan

(e) Makna Figuratif

2.2.1 Makna Rujukan

Makna rujukan juga dikenali sebagai makna denotatif, makna konsepsi dan makna kognitif. Ia merujuk kepada objek sebenar yang dilambangkan oleh sesuatu perkataan atau ungkapan (Adrian Akmajian 1995:228). Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, sesuatu perkataan biasanya mempunyai lebih daripada satu makna. Persoalannya bagaimanakah kita dapat menentukan makna yang mana yang dimaksudkan oleh seseorang penulis atau penutur terhadap sesuatu perkataan? Kita boleh menentukannya dengan merujuk kepada konteks penggunaan perkataan tersebut. Sebagai contoh, perkataan ‘muda’ memiliki banyak makna dan boleh digunakan dengan pelbagai cara seperti contoh di bawah (Kamus Dewan 2005:519)

(a) Seseengah daripada mereka masih *muda* mentah. (umur)

(b) Kami berhenti di kedai itu untuk minum air kelapa *muda*. (belum masak atau tua bagi buah-buahan dan lain-lain)

(c) Kita telah diberi mandat untuk memandu negeri ini dari sebuah negeri *muda* menjadi negeri dewasa. (belum lama wujudnya)

(d) Malam masih *muda* tetapi jalan raya telah mulai lengang. (waktu masih awal)

- (e) Dia telah dinaikkan pangkat kepada leftenan *muda*. (pangkat dan kedudukan)
- (f) Sebelum meninggal dia telah mewasiatkan sebahagian hartanya kepada isteri *muda*. (baru dan yang terakhir)
- (g) Dia mengenakan baju kurung biru *muda*. (warna kurang gelap atau tua)

Melalui contoh-contoh di atas kita melihat makna bagi perkataan 'muda' dapat dikenalpasti melalui konteks ayat di mana perkataan-perkataan lain yang hadir dalam ayat membantu dalam menjelaskan makna perkataan tersebut. Perkataan tunggal yang mendukung beberapa makna yang berlainan dinamakan *polisemi* dalam ilmu semantik (S. Nathesan 2002:21). Antara perkataan-perkataan lain yang termasuk dalam golongan ini adalah seperti *dewan*, *ekor*, *kaki*, *punca* dan berbagai lagi.

Daripada perbincangan di atas, kita dapat membuat kesimpulan bahawa makna rujukan terbahagi kepada dua iaitu makna rujukan penutur dan makna rujukan linguistik. Makna rujukan penutur adalah merujuk kepada apa yang dirujuk oleh penutur dengan menggunakan sesuatu ekspresi linguistik (Frank Parker 1994:52). Sebagai contoh, sekiranya seseorang mengucapkan ayat "Itu dia Yang Berhormat sudah datang" secara berjenaka iaitu merujuk kepada seorang yang suka bergaya seperti orang-orang besar. Oleh itu rujukan penutur bagi ekspresi 'Yang

Berhormat' tersebut dimaksudkan untuk orang yang terlalu ingin menjadi pemimpin.

Makna rujukan linguistik pula merupakan suatu denotasi sistematik tentang ekspresi linguistik yang berperanan sebagai sebahagian daripada bahasa (Frank Parker 1994:52). Seperti contoh yang telah diberikan, ekspresi linguistik 'Yang Berhormat' dalam ayat "Itu dia Yang Berhormat sudah datang" sebenarnya merujuk kepada 'wakil rakyat' atau 'calon-calon yang telah memenangi pilihanraya'. Dari sini kita dapat melihat bahawa makna rujukan linguistik tertakluk dalam ruang lingkup bidang semantik memandangkan ia mempunyai kaitan dengan aspek rujukan iaitu fungsi sistematik sesuatu bahasa itu sendiri, berbeza dengan makna rujukan penutur yang bervariasi mengikut penutur dan konteks.

2.2.2 Makna Konotasi

Makna konotasi adalah makna tersirat atau makna-makna selain daripada makna rujukan yang dimiliki oleh sesuatu perkataan. Dalam aspek bahasa, beberapa perkataan mungkin dilihat mempunyai makna rujukan yang sama tetapi berbeza dari sudut makna konotasinya. Ia mungkin berbentuk positif atau negatif bergantung kepada pentafsiran mereka yang menggunakannya. Sebagai contoh, penggunaan perkataan 'binatang' bagi masyarakat Melayu Kelantan

tidak sama makna konotasinya pada masyarakat Melayu di negeri-negeri lain. Begitu juga perkataan ‘Orang Yahudi’ yang dirujuk maknanya sebagai ‘seseorang yang menganuti agama Yahudi’ mempunyai makna konotasi yang lain bagi masyarakat Arab iaitu ‘perampas’, ‘penipu’, ‘bakhil’ dan ‘tamak’. Makna konotasi juga berkait rapat dengan makna emosi. Sebagai contoh perkataan ^{أُمِّي} dan ^{مَامَا} adalah sama dari sudut makna rujukannya tetapi bagi seorang ibu, dia mungkin akan mengalami emosi yang berbeza terhadap kedua-dua kata panggilan tersebut.

2.2.3 Makna Emosi

Sebagaimana yang telah disentuh sebelum ini, makna emosi adalah makna yang berkait rapat dengan nilai dan perasaan orang yang menggunakan sesuatu perkataan. Sebagai contoh perkataan ‘Syi‘at’ diberi nilai yang berbeza di negara yang berbeza. Di Malaysia ia diberi nilai negatif tetapi di negara seperti Iran ia diberi nilai yang sangat positif. Begitu juga dengan istilah ‘komunis’ yang melahirkan makna emosi yang berbeza di negara yang mengamalkan sistem pemerintahan komunis dengan negara-negara yang pernah mengalami penderitaan di bawah kekuasaan komunis. Justeru makna emosi melibatkan perasaan yang berbeza-beza apabila seseorang

menggunakan perkataan itu. Penggunaan sesuatu perkataan mungkin menyebabkan kita gembira, teruja, benci, takut, dan sebagainya. Justeru terdapat perkataan-perkataan yang boleh memberi kesan emosi yang tidak berapa baik seperti 'janda', 'pendatang haram', 'orang cacat', 'orang tua' dan sebagainya diganti dengan istilah yang lebih sopan iaitu 'ibu tunggal', 'pendatang tanpa izin', 'orang kurang upaya' dan 'warga emas'.

2.2.4 Makna Pantangan

Makna pantangan bermaksud larangan terhadap penggunaan bahasa yang diujarkan oleh manusia (S. Nathesan 2002:60). Oleh kerana adanya larangan tersebut, maka kata atau ungkapan yang digunakan dalam bahasa untuk merujuk kepada sesuatu yang kurang manis, yang membawa unsur negatif, lucu dan yang tidak sopan terus tidak digunakan atau dielakkan dalam pertuturan. Untuk menyampaikan makna yang terkandung dalam kata atau ungkapan yang dilarang itu, selalunya kata lain digunakan untuk menggantikan kata tersebut.

Terdapat satu lagi sebab bagi kewujudan makna pantangan iaitu rasa takut (S. Nathesan 2002:63). Orang tua ada berpesan jika berada di dalam hutan kita dilarang menggunakan perkataan 'harimau'

kerana dibimbangi binatang buas tersebut akan muncul sebaliknya ia digantikan dengan perkataan 'pak belang'. Masyarakat barat juga mengamalkan perkara yang sama dengan memberi beberapa gelaran untuk beruang. Perkataan-perkataan tertentu seperti contoh yang diberi mempunyai makna pantangan atau 'tabu' kerana dibimbangi boleh membawa malapetaka. Tabu dalam penggunaan bahasa ini wujud dalam apa jua bahasa termasuk bahasa Melayu sehingga wujud fenomena eufemisme¹ dalam bahasa Melayu (S.Nathesan 2002:60).

Terdapat juga perkataan-perkataan yang memberi makna pantangan kerana sebab lain seperti perkataan-perkataan lucu berkaitan seks. Orang-orang yang menggunakan perkataan-perkataan sebegini dianggap tidak sopan dan tidak beradab. Lazimnya ia disebut dengan tujuan mencarut dan memaki hamun. Begitu juga dengan perkataan yang dikaitkan dengan kematian seperti 'mati' yang digantikan dengan perkataan-perkataan seperti 'meninggal dunia', 'sudah tiada', 'kembali ke rahmatullah' manakala untuk merujuk kepada si mati pula digunakan perkataan-perkataan seperti 'arwah', 'allahyarham', 'almarhum', 'mendiang' dan sebagainya.

Ada kalanya kata yang menggantikan kata yang mempunyai makna pantangan itu digantikan pula dengan kata yang lebih halus

¹ Eufemisme: Bentuk bahasa yang mementingkan kehalusan.

apabila didapati kata tersebut tidak mendukung makna yang halus. Misalnya, perkataan ‘jamban’ yang dahulunya digunakan dengan meluas. Oleh kerana kata ini membawa makna yang kurang sopan, maka digantikan dengan dengan kata ‘tandas’. Kini pula, terdapat perkataan ‘bilik air’ untuk merujuk kepada konsep tandas, iaitu tempat membersihkan diri, termasuk membuang air kecil dan air besar. Kebelakangan ini, ada cadangan kata ‘bilik selesa’ untuk konsep tandas (S.Nathesan 2002:60). Berikut beberapa contoh bagi perkataan yang dianggap mempunyai makna pantangan dan kata alternatif yang menggantikannya:

| Kata yang mempunyai makna pantangan | Kata alternatif |
|--|------------------------|
| Alat kelamin lelaki/perempuan | Kemaluan |
| Datang haid | Datang bulan |
| Jamban | Tandas/ Bilik air |
| Tahi | Najis |
| Pelacur | Pekerja seks |
| Kentut | Buang angin |
| Harimau | Pak Belang |
| Ular | Akar |
| Buaya | Batang hanyut |

Apa yang jelas, tabu merupakan salah satu faktor terhadap perubahan makna atau semantik dalam sesuatu bahasa. Larangan terhadap penggunaan kata-kata yang tertentu juga menyebabkan masyarakat mencari alternatif lain. Dengan secara tidak langsung wujud sinonim bagi perkataan-perkataan yang dilarang itu dan ini bermakna kosa kata sesuatu bahasa itu akan bertambah (S.Nathesan 2002:63).

2.2.5 Makna Figuratif

Makna figuratif ialah makna perkataan, rangkai kata dan sebagainya yang lebih abstrak atau imaginatif daripada makna biasanya, bersifat kiasan atau lambang (Kamus Dewan 2005:351). Terdapat perkataan yang pada asalnya mempunyai satu makna rujukan tetapi berubah kepada makna-makna rujukan lain yang kadang kala agak kabur dan susah untuk difahami kecuali jika kita pernah mendengar dan mempelajarinya sebelum ini. Apabila seseorang berkata, 'itu keldai', terdapat kekaburan pada ayat tersebut. Adakah makna rujukan 'keldai' pada ayat itu sejenis binatang atau manusia?

Biasanya makna figuratif terdapat pada ungkapan-ungkapan perumpamaan, simpulan bahasa, peribahasa dan kiasan. Sebagai contoh, makna rujukan asal bagi 'kepala' dapat kita ketahui dengan

mudah iaitu ‘bahagian tubuh manusia atau binatang dari leher ke atas atau ke hadapan (tempat terdapatnya mata, hidung, telinga dan lain-lain)’ (Kamus Dewan 1996:638). Namun apabila memasuki makna figuratif, perkataan ‘kepala’ bertukar kepada pelbagai makna seperti (Lihat Kamus Dewan 2005:638):

| | |
|--------------------------------------|-------------------------|
| <i>kepala paku</i> | : bahagian pangkal |
| <i>kepala surat</i> | : bahagian atas/hadapan |
| <i>kepala negara/kepala keluarga</i> | : ketua |
| <i>kepala batu</i> | : hati |
| <i>berat kepala</i> | : akal |
| <i>kepala berita</i> | : tajuk |
| <i>dingin kepala</i> | : sabar/tenang |
| <i>kepala negeri</i> | : ibukota |
| <i>kepala tahun</i> | : awal/permulaan |
| <i>kepala udang</i> | : sangat bodoh |
| <i>tidak tentu ekor kepala</i> | : perkara |
| <i>diberi bahu hendak kepala</i> | : pemberian |

Di sini dapat dilihat bahawa perluasan makna pada makna rujukan ‘kepala’ juga merupakan sebahagian daripada struktur makna perkataan ‘kepala’ walaupun makna figuratifnya menyimpang jauh daripada makna asal.

Dalam bahasa Arab terdapat juga istilah-istilah figuratif ini yang menjadi kiasan dalam berbahasa. Ia digunakan untuk merujuk secara tak langsung agar sesuatu ujaran itu dilihat lebih ‘berlapik’. Antaranya ialah istilah **أَلْبَعْدُ** yang mana makna asalnya ialah ‘yang paling jauh’. Namun ia digunakan sebagai ungkapan yang digunakan untuk cercaan yang ditujukan kepada diri atau seseorang sebagai mengganti namanya (KBAMD:151). Sebagai contoh ungkapan **أَهْلَكَ اللهُ أَلْبَعْدُ** membawa maksud ‘semoga Allah memusnahkan orang itu’.

Dari sini dapatlah disimpulkan bahawa istilah-istilah yang memberi makna figuratif memang banyak digunakan sama ada dalam bahasa Melayu ataupun bahasa Arab kerana kedua-dua bahasa kaya dengan ungkapan-ungkapan yang berbentuk kiasan ataupun apa yang disebut dengan ‘bahasa berlapik’.

2.3. Medan Makna

Setelah menghuraikan tentang ciri-ciri serta jenis-jenis makna, penulis ingin menyentuh pula tentang medan makna, kepentingan, teori yang berkaitan serta pandangan para sarjana bahasa tentang fungsinya dalam menentukan ketepatan padanan makna.

2.3.1. Definisi Medan Makna

Medan makna atau medan leksikal¹ adalah kumpulan perkataan yang mempunyai ikatan makna. Kebiasaannya terletak di bawah satu perkataan am yang meliputi seluruhnya. Sebagai contoh perkataan ‘warna-warna’ yang terletak di bawah istilah umum ‘warna’ yang mengandungi kata nama seperti ‘merah’, ‘biru’, ‘kuning’, ‘hijau’, ‘putih’ dan lain-lain (Lyons 1977:25). Ullmann pula mendefinisikan sebagai “persamaan dalam lingkungan makna bagi sesuatu item bahasa yang menggambarkan pengalaman dalam bidang tertentu” (S. Ullmann. 1973:26-27). Ia juga boleh ditakrifkan sebagai kumpulan bahagian-bahagian makna bagi bahasa.(Lyons 1977:25)

Teori medan makna juga ada menyebut bahawa untuk memahami makna perkataan, perlu difahami juga kumpulan-kumpulan perkataan yang mempunyai hubungan makna dengannya (William, Alston 1970:14).

Lyons juga menegaskan bahawa perlu dikaji hubungan di antara leksikal di dalam sesuatu medan atau cabang sesuatu perkara.

¹ Dinamakan juga sebagai ruang semantik, lingkungan semantik, kumpulan semantik dan bidang leksikal.

Justeru itu beliau mentakrifkan makna perkataan sebagai hasil hubungan dengan perkataan-perkataan lain di dalam medan leksikografi. (Lyons 1977:22)

Tujuan medan makna ini dianalisis adalah untuk mengumpul semua perkataan khusus bagi bidang-bidang tertentu dan menunjukkan hubungan di antara satu perkataan dengan yang lain serta hubungan perkataan-perkataan tersebut dengan istilah amnya (Lyons1977:1).

Menurut Lehrer (1974:7), Teori Medan atau Teori Medan Makna ialah suatu teori yang mengkaji satu kumpulan kata yang mempunyai hubungan serta terkandung dalam satu domain. Antara lain beliau menyebut:

Teori Medan ialah satu teori yang membicarakan satu set perkataan yang berhubungan yang tergolong di bawah satu domain (medan semantik, bidang subjek). Contohnya, "glass, a container" boleh dikaji bersama-sama dengan cup, bowl, mug, vase dan perkataan-perkataan lain yang membawa maksud container, untuk melihat bagaimana item-item ini berkontras.

(Lehrer, 1974:7)

Konsep medan pula diperjelaskan dengan lebih lanjut oleh Ullmann (1957:157) sebagaimana yang dipetik oleh Lyons sebagai berikut:

Bahan-bahan yang lengkap daripada komponen bahasa yang menggambarkan bidang-bidang tertentu pengalaman.

(Lyons, 1977:253)

Terdapat juga di kalangan mereka yang memperluaskan definisi medan makna meliputi jenis-jenis berikut ('Umar, 'Ahmad Mukhtar 1982:80-81)

- 1- Perkataan seerti/sinonim (al-Tara:duf) dan perkataan berlawan/antonim ('al-Tadā'a:ḍ). A. Jolles merupakan ahli linguistik pertama yang menganggap perkataan-perkataan antonim dan sinonim termasuk di dalam medan makna.
- 2- Pola derivasi ('al- 'Awza:n al- 'Ishtiqa:qiyya:t).
- 3- Bahagian-bahagian kata serta pecahan-pecahan nahunya.
- 4- Medan sintagmatik. Ia termasuk juga perkataan-perkataan yang ada hubungan dari sudut penggunaannya. Tetapi ia tidak semestinya terletak pada kedudukan nahunya sahaja. W. Porzig (1763) merupakan orang pertama yang mengkaji bidang ini ketika beliau menunjukkan minat kepada perkataan-perkataan seperti:

anjing - menyalak

bunga - berkembang

makanan - hidangan

kaki - berjalan

mata - melihat

telinga - mendengar

dan lain-lain.(L.M. Vassilyev : 1974:80)

Daripada konsep yang telah diperjelaskan, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Teori Medan Makna ialah teori mengenai konseptualisasi yang berhubungan dengan lingkungan yang berhubung kait dengan perbendaharaan kata.

2.3.2. Perkembangan Teori Medan Makna

Perkembangan Teori Medan Makna ini telah bermula pada tahun-tahun 20-an dan 30-an, iaitu hasil daripada kajian para ahli linguistik Jerman, Swiss dan juga ahli antropologi Amerika. Kedua-dua ahli linguistik dan antropologi ini telah dipengaruhi oleh Herder (1772), Wilhiem von Humbolt (1836), iaitu melalui Boas (1911) dan Safir (1944), dilihat dalam Lyons (1977:267), dan juga pendapat de Saussure (1916), yang menjelaskan konsep asosiasi, khususnya golongan linguistik struktural, terutama sekali pada peringkat awal analisis linguistik struktural dalam pendekatan terhadap makna (Parera, 1991:267)

Ramai sarjana Jerman dan Swiss dikaitkan dengan Teori Medan Makna ini. Menurut Lyons (1977:250), antara yang terkemuka dalam bidang ini ialah Ispen (1924), Jolles (1934), Porzig (1934) dan Trier (1934). Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada mereka, terutamanya di kalangan ahli linguistik Jerman berpendapat teori yang diasaskan oleh Trier (1934) dianggap yang paling penting dan berpengaruh.

Penglibatan Trier terhadap teori ini memang tidak dapat dinafikan. Walaupun terdapat kritikan yang kuat menentang teori ini, Ullmann (1962:7) dan Lyons (1977:250), berpendapat bahawa teori yang diasaskan oleh Trier ini telah membuka era baru dalam sejarah semantik. Walaupun Gordon (1982:67) mengatakan kajian jenis ini hanya sebagai satu nota yang pendek dan tidak seharusnya ditujukan kepada Trier sahaja, namun namanya masih menjadi sebutan dalam hubungannya dengan teori ini. Begitu juga R. Meyer (1935) yang telah mengkaji bentuk-bentuk medan makna di mana para ahli antropologi Amerika telah menggunakan teori ini untuk pelbagai ujikaji khususnya di bidang kekeluargaan, tumbuhan, haiwan, warna dan penyakit. (Lyons 1977:267).

Di Perancis, bidang kajian medan makna ini berkembang mengikut arah tuju yang tersendiri di mana Matore (1953) dan para pengikutnya telah menumpukan kepada medan di mana perkataan-perkataan di dalamnya boleh

berubah-ubah dan memberi kesan kepada perkembangan politik, ekonomi dan sosial. (Lyons 1977:267)

Di antara medan makna yang telah dikaji adalah istilah-istilah kekeluargaan, warna, tumbuh-tumbuhan, penyakit, ubat-ubatan, masakan, bunyi, pergerakan, peralatan rumah, ideologi, kecantikan, perumpamaan, agama, dongeng dan khayalan, perniagaan, peperangan dan serangan, haiwan-haiwan jinak, sifat-sifat umur, anggota badan dan lain-lain.(Williams Alston 1970:14)

2.3.3. Pendapat Ahli Linguistik Mengenai Medan Makna

Para ahli linguistik yang terpengaruh kepada pemikiran Bloomfield tidak membuat kajian terhadap leksikografi kerana ia pada pandangan mereka hanya mengkaji leksikal yang disifatkan sebagai tidak gramatikal atau sekurang-kurangnya aspek tatabahasanya tidak terpelihara. Bahkan para neo-linguistik menganggap kamus sebahagian daripada tatabahasa dan memberi perhatian yang besar terhadap makna-makna perkataan dan ayat (Lehrer, Adrienne,1974:15).

Tetapi para ahli linguistik ini mula mengkaji bidang leksikologi dan leksikografi semenjak bidang semantik konstruktif melahirkan Teori Medan Makna dan menganggap idea ini memberi satu bentuk binaan kepada

perkataan. Perkataan bagi semua bahasa mengikut pendapat ini terbahagi kepada beberapa komponen yang mempunyai kaitan terhadap sesuatu medan makna. Begitu juga unsur-unsur pada setiap medan sekurang-kurangnya dapat menentukan makna pada unsur yang lain berdasarkan kepada kedudukan dan tarafnya di dalam sistem pemerian makna itu sendiri. Dalam pada itu, para ahli teori ini bersependapat terhadap beberapa dasar iaitu (‘Umar, ‘Ahmad Mukhtar, 1982:80)

a) Tidak terdapat satu leksim yang termasuk ke dalam lebih daripada satu medan.

Namun kenyataan ini disangkal oleh Aini Karim dalam kertas kerjanya di mana beliau menyebut:

“Kesulitan lain dalam menganalisis makna adalah kadang-kadang satu patah perkataan mungkin menjadi ahli kepada beberapa medan atau menduduki lebih daripada satu medan. Umpamanya, perkataan “batu” boleh memasuki medan bahan binaan seperti pasir, batu, bata, kayu, papan dan lain-lain. “Batu” juga memasuki medan sukatan jarak seperti kilometer, batu, rantai, meter, ela, kaki, inci dan sebagainya”

(Aini Karim:82)

b) Tidak terdapat mana-mana leksim yang tidak termasuk ke dalam mana-mana medan.

c) Konteks bagi sesuatu perkataan yang dimaksudkan tidak boleh diabaikan.

d) Kajian medan makna juga tidak boleh terpisah daripada susunan nahunya.

2.4 Ketepatan Padanan Makna

Kita selalu menyangka bahawa sekiranya kita faham makna sesuatu perkataan di dalam sesuatu bahasa, maka perkataan itu tentulah senang untuk diterjemahkan ke dalam bahasa lain. Sebagai contoh, sekiranya kita tahu makna perkataan الْقَصْرُ, kita merasa yakin bahawa perkataan itu mudah diterjemahkan. Kita beranggapan bahawa sekiranya sesuatu perkataan itu mempunyai padanan maknanya di dalam sesuatu bahasa maka itulah terjemahan yang tepat baginya. Sebagai contoh oleh kerana di dalam bahasa Melayu ada perkataan 'istana' maka kita beranggapan tentulah istana ialah terjemahan yang tepat bagi perkataan الْقَصْرُ. Namun sebenarnya, tidak ada padanan yang betul-betul tepat. Oleh itu, 'istana' bukanlah padanan yang tepat seratus peratus bagi perkataan الْقَصْرُ. Oleh kerana itulah A.Nida (1996:20) menggunakan konsep padanan terdekat dan konsep padanan asli dan beliau tidak menggunakan konsep padanan tepat kerana tidak wujud padanan yang betul-betul tepat.

Bagi membuktikan mengapa perkataan 'istana' bukan padanan yang paling tepat bagi perkataan الْقَصْرُ, kita boleh menggunakan teori imej mental yang menyatakan sesuatu makna perkataan berdasarkan imej mental yang ada dalam otak seseorang sewaktu dia menggunakan perkataan tersebut.

Apabila seorang Arab menggunakan perkataan الْقَصْرُ, imej yang muncul dalam pemikirannya ialah imej sebuah قَصْرٌ yang difahami oleh pemikiran Arab. Manakala seorang Melayu menggunakan perkataan 'istana', imej yang muncul di dalam pemikirannya ialah imej 'istana' sebagaimana yang difahami oleh pemikiran Melayu. Begitu juga keadaannya apabila orang Arab menggunakan perkataan الْبَيْتُ dan orang Melayu menggunakan perkataan 'rumah', masing-masing mempunyai imej mental yang berbeza. Malah, apabila seseorang menggunakan perkataan الْأَخْضَرُ الْعَامِضُ, kita tidak mungkin dapat mengetahui dengan tepat apa sebenarnya rupa warna الْأَخْضَرُ الْعَامِضُ kerana terdapat banyak variasi warna الْأَخْضَرُ الْعَامِضُ. Apabila kita menterjemahkannya kepada 'hijau tua', kita tidak boleh mengatakan bahawa variasi 'hijau tua' yang ada dalam kepala kita itu tepat dengan variasi الْأَخْضَرُ الْعَامِضُ yang dimaksudkan oleh orang itu.

Justeru, makna sesuatu perkataan berkait rapat dengan budaya penutur bahasa tersebut. Dengan lain perkataan, makna perkataan diinterpretasi berdasarkan konsep yang terkandung di dalam bahasa tersebut sahaja. Jadi, perkataan الْقَصْرُ membawa konsep yang hanya sesuai dengan budaya Arab. Manakala perkataan 'istana' membawa konsep dengan budaya Melayu sahaja. Bentuk dan senibina الْقَصْرُ dan 'istana' adalah berbeza mengikut budaya Arab dan Melayu.

Berdasarkan teori ini, maka konsep padanan makna yang betul-betul tepat tidak wujud. Perbezaan konsep tetap ada walaupun sedikit. Bahkan dalam perkataan-perkataan yang dianggap universal pun padanan yang betul-betu tepat masih tidak dapat ditemui. Contohnya perkataan كَبِيرٌ di mana di dalam bahasa Melayu kita mempunyai perkataan ‘besar’, namun kita tidak pasti berapakah ukuran sebenar yang digambarkan di dalam pemikiran seseorang dan adakah ia sama dengan imej mental yang ada di dalam pemikiran kita apabila kita menggunakan perkataan ‘besar’.

Bahkan berdasarkan teori imej mental, dua orang yang berbual menggunakan bahasa yang sama pun kemungkinan makna yang mereka maksudkan tidak sama. Ini kerana kita tidak mungkin dapat masuk dan menerokai ke dalam otak seseorang untuk mengetahui apakah imej-imej mental sebenar yang terkandung di dalamnya. Sebagai contoh, dua orang Melayu yang bercakap dalam bahasa Melayu dan kedua-duanya menggunakan perkataan ‘makcik’. Masing-masing mempunyai imej mental yang berbeza. Dalam pemikiran orang pertama mungkin membayangkan seorang perempuan tua lanjut umur manakala dalam pemikiran orang kedua mungkin membayangkan ibu saudaranya yang masih muda.

Dengan kata lain, ‘konsep perkataan merujuk kepada benda’ (Abdul Hadi Abdullah 1998:96) iaitu selagi boleh seseorang itu pasti ingin menggambarkan makna sesuatu perkataan di dalam otaknya agar makna

perkataan itu seolah-olah terpapar sebagai suatu imej. Namun begitu, konsep boleh bertukar maknanya kerana bukan semua perkataan merujuk kepada objek, tetapi merujuk kepada konsep. Contohnya perkataan ‘kecewa’ tidak merujuk kepada objek tetapi merujuk kepada konsep. Situasi ini ada persamaannya dengan penggolongan kata nama dalam ilmu nahwu Arab. Kata nama dibahagikan kepada kata nama merujuk kepada benda (اسم الذات) dan kata nama merujuk kepada makna (اسم المعنى). Manakala makna pula boleh dibahagikan kepada makna benda (المعنى الذاتي) dan makna konsep (المعنى التصوري).

Daripada perbincangan di atas kita dapat merumuskan bahawa sesuatu perkataan itu hanyalah sebagai lambang dan bukan makna. Makna hanya wujud di luar perkataan. Makna hanya wujud di dalam pemikiran kita. Terpulanglah kepada seseorang itu untuk menggambarkan makna yang dikehendaki untuk sesuatu perkataan atau frasa. Manakala makna rujukan amat penting dan perlu di ambil perhatian dalam menentukan padanan makna sesuatu perkataan.

2.5 Terjemahan Dan Budaya

Dalam melakukan penterjemahan, kita tidak boleh sekadar menentukan makna bagi sesuatu perkataan atau istilah hanya berdasarkan kamus semata-mata. Seseorang penterjemah yang baik harus juga

mengetahui dengan mendalam adat dan budaya dalam masyarakat penutur bahasa asal dan juga bahasa terjemahan. Ini penting agar terjemahan yang dilakukan menepati dan menggambarkan imej yang sebenar bagi pengguna bahasa sasaran.

2.5.1 Konsep Budaya

Setiap budaya mempunyai konsep/tasawwur tertentu terhadap sesuatu perkataan. Justeru itu suatu imej yang dikongsi bersama oleh dua bahasa belum tentu lagi menunjukkan perkara yang sama. Ia bergantung kepada sejauh mana penghayatan, penumpuan dan penekanan sesuatu budaya terhadap sesuatu imej. Sebagai contoh beras. Dalam budaya Melayu, makanan ini menjadi tumpuan kerana ia menjadi makanan asasi. Kerana itu, setiap perubahan yang berlaku kepada makanan ini mempunyai perkataannya yang tersendiri seperti padi, nasi, beras, pulut, temukut¹ dan sebagainya. Manakala dalam bahasa Arab, imej ini memang ada iaitu الأرز sahaja. Ini disebabkan tahap interaksi dan penumpuan kurang kerana ia bukan makanan asasi mereka. Justeru itu, penterjemahan temukut dengan الأرز tidak tepat sama sekali. Begitu juga sebaliknya dari budaya Arab ke dalam budaya Melayu (Abdul Basir Awang 2002:76).

¹ Bahagian hujung beras (Kamus Dewan 2005:1415)

Biasanya konsep perkataan menjadi pelbagai apabila sesuatu budaya itu memfokuskan terhadap sesuatu bidang atau perkara. Dalam hal ini, budaya Arab banyak memfokuskan kepada alam sekeliling. Maka tidak hairanlah sekiranya budaya Arab mempunyai beratus-ratus nama unta, binatang buas, tamar, padang pasir dan sebagainya. Manakala dalam budaya Melayu, hal-hal sedemikian tidak ditekankan. Penterjemahan secara harfiah hanya dapat memberi imej secara umum tetapi bukan hakikat yang sebenar. Sebagai contoh perkataan-perkataan seperti ¹الْمِيرَادُ, ²الْقَارِبُ, ³السَّلُوبُ, ⁴الدَّفُوقُ dan sebagainya. Perkataan-perkataan ini jika diterjemah secara harfiah, maka semuanya bermaksud unta. Ini sudah tentu mengurangkan konsep perkataan-perkataan tersebut dalam budaya Arab ('Abd al-Rahmān bin 'I:sa:1994:61).

2.5.2. Pengaruh Budaya Dalam Penterjemahan

Dalam perbincangan sebelum ini penulis telah menyentuh tentang pemilihan makna yang berpadanan dengan sesuatu perkataan amat berkait rapat dengan pengaruh budaya bagi masyarakat penutur bahasa tersebut. Begitu juga bahasa mempunyai pengaruh yang kuat terhadap tingkah laku dan minda penuturnya. Justeru itu, terdapat unsur saling mempengaruhi di antara penutur bahasa, penterjemah, bahasa itu sendiri dan kebudayaan

¹ Unta yang datang segera.

² Unta yang menuju ke air.

³ Unta yang terawal dalam kumpulan

⁴ Unta yang berada di tengah-tengah dalam kumpulan.

mereka. Bahasa dan budaya ialah penyumbang utama ketamadunan. Dengan akal, manusia mengetahui ilmu sebagai asas ketamadunan. Bagi seseorang yang memiliki dan dapat bertutur dalam dwibahasa dengan fasih, diperhatikan bahawa tingkah laku mereka akan berubah mengikut bahasa yang dituturkan. Sebagai contoh seorang Melayu yang telah lama tinggal di negara Arab, apabila bercakap di dalam bahasa Arab, dia akan bersifat lebih kasar dan berani tetapi apabila bercakap di dalam bahasa Melayu, dia akan bersikap lebih lembut dan berhemat (Mohd. Sukki Othman,48:2008).

Justeru, perlu ditekankan apabila kita ingin menterjemah atau mencari padanan makna yang sesuai untuk sesuatu perkataan atau ayat, contohnya daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu, kita perlu ingat bahawa terjemahan itu adalah untuk orang Melayu yang berfikiran Melayu. Di samping itu, oleh kerana pembaca itu membaca atau mendengar teks atau ujaran dalam bahasa Melayu, dia akan memahaminya berdasarkan pengetahuan bahasa Melayu juga. Sebagai contoh, perkataan سِلَاحٌ di dalam bahasa Arab yang bermaksud ‘senjata’. Namun istilah السِّلَاحُ الْجَوِّيُّ jika diterjemahkan kepada ‘senjata udara’ akan memberi makna yang berbeza bagi seorang Melayu. Istilah yang sepadan ialah ‘tentera udara’. Begitu juga di dalam bahasa Melayu istilah ‘jalan mati’ tidak boleh diterjemahkan kepada الطَّرِيقُ الْمَيِّتُ kerana ia tidak membawa maksud yang diinginkan. Padanan istilah yang lebih tepat ialah الطَّرِيقُ الْمَغْلَقُ.

Selain itu, bahasa tubuh juga memberi interpretasi yang berbeza mengikut budaya setempat sesebuah komuniti yang menggunakan bahasa tersebut. Sebagai contoh, penggunaan isyarat dalam menyampaikan sesuatu maksud berbeza mengikut budaya masyarakat. Dalam masyarakat Melayu, menggeleng kepala dari kiri ke kanan dan kanan ke kiri merujuk kepada ‘tidak’ sama ada ‘tidak mahu’, ‘tidak tahu’ dan sebagainya. Hal ini berbeza dalam budaya masyarakat Arab. Dalam budaya masyarakat Arab, maksud tidak mahu diungkapkan dengan isyarat bunyi pada lidah dan diikuti dengan mendongak kepala sedikit ke atas (Mohd. Sukki Othman,48:2008).

2.5.3. Padanan Makna Budaya

Budaya Arab tidak akan membiarkan sesuatu perkara atau pengalaman berlaku begitu sahaja tanpa memberi nama. Malah sekiranya pengalaman itu memerlukan khayalan, mereka akan cuba mengkhayalkan sesuatu perkara (‘Abdul Rahman bin ‘I:sa:61). Sejarah telah membuktikan bahawa mereka mahir dalam puisi. Maka tidak hairanlah sekiranya budaya mereka mempunyai pelbagai perkataan untuk menggambarkan sesuatu perkara. Perkataan-perkataan tadi menceritakan perkara yang sama tetapi dalam kaedah yang berbeza-beza. Contohnya perkataan-perkataan seperti ¹النَّوْمُ, ²الرَّقَادُ, ³السَّبَاتِ dan sebagainya.

¹ Tidur.

² Tidur yang menunduk kepala.

³ Tidur orang sakit.

Selain itu, banyak istilah bahasa Arab yang turut membawa unsur budaya daripada alam Arab. Salah satu contoh ialah **خَرِيفُ الْعُمَرِ**. Unsur **خَرِيفُ** terdapat dalam alam Arab tetapi tidak terdapat dalam alam Melayu. Justeru itu, menentukan padanan makna bagi istilah yang mempunyai latar belakang unsur budaya tempatan boleh dilakukan dengan menggunakan beberapa kaedah seperti yang berikut:

1. Unsur budaya itu dikekalkan.

Dalam kaedah ini, unsur budaya itu dikekalkan dalam terjemahannya. Sebagai contoh kalimah **الرَّايَةُ الْبَيْضَاءُ** boleh diterjemahkan secara harfiah kerana istilah kiasan 'bendera putih' juga terdapat dalam budaya Melayu. Walau bagaimanapun kaedah mengekalkan unsur budaya asing dalam menentukan padanan makna ini banyak kelemahannya. Sebagai contoh, dalam Kamus Istilah Warna terbitan DBP terdapat istilah 'biru Berlin' iaitu terjemahan 'Berlin blue'. Walaupun orang Melayu tahu 'Berlin' ialah sebuah bandar di Eropah, tetapi ia tidak dapat memberi gambaran sebenar warna biru yang dimaksudkan (Ainon Mohd, Abdullah Hassan 2005:172). Selain itu terdapat beberapa istilah lagi yang mengekalkan unsur budaya dalam terjemahannya. Antaranya ialah (Bukhari Lubis 1994:48-50):

مَاءُ الْوَجْهِ : air muka

عَيْنُ الْقَلْبِ : mata hati
دَوْدَهُ الْكُتُبِ : ulat buku.

2. Unsur budaya dihilangkan.

Dalam kaedah ini unsur budaya itu digantikan dengan perkataan yang menerangkan maknanya yang sebenar. Sebagai contoh, istilah حَرِيفُ الْعُمْرِ boleh diterjemahkan menjadi ‘usia senja’ ataupun ‘lanjut usia’. Begitu juga dengan istilah قَضَاءِ الْحَاجَةِ. Walaupun istilah itu kebiasaannya dikekalkan dalam bahasa Arab terutama di dalam kitab-kitab agama namun jika diterjemahkan secara harfiah, akan membawa makna yang berbeza. Istilah ‘menunaikan hajat’ bagi orang Melayu tidak semestinya merujuk kepada ‘hajat’ di tandas semata-mata. Tetapi boleh juga dirujuk kepada sebarang hajat dan tujuan seperti hajat untuk menyunting gadis, hajat untuk mengundang ke rumah dan sebagainya. Istilah yang lebih sesuai untuk makna قَضَاءِ الْحَاجَةِ ialah ‘membuang air’. Keadaan ini berlaku kerana perbezaan budaya Arab dan Melayu yang membawa kepada perbezaan penggunaan istilah.

3. Unsur budaya disesuaikan semula.

Kadangkala sesuatu istilah dalam sesuatu bahasa seolah-olah mempunyai padanannya dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh dalam bahasa Inggeris istilah 'young wife' dan 'old wife' di mana dalam bahasa Melayu terdapat juga istilah 'isteri muda' dan 'isteri tua'. Tetapi sebenarnya istilah 'young wife', 'old wife' dan 'isteri muda', 'isteri tua' itu berbeza antara satu sama lain. Perbezaan ini terletak pada latar belakang budaya Inggeris dan Melayu. Oleh kerana budaya Inggeris mengamalkan sistem monogami, makna istilah 'young wife' dan 'old wife' membawa makna seorang isteri yang usianya masih muda dan seorang isteri yang usianya sudah tua. Sebaliknya, oleh kerana budaya Melayu membenarkan poligami, 'isteri muda' dan 'isteri tua' membawa makna status seseorang isteri. Oleh itu, seorang 'isteri muda' dalam budaya Melayu mungkin lebih tua usianya daripada seorang 'isteri tua'. Bagi mengekalkan makna konsep 'young wife', maka seharusnya ia diterjemahkan kepada 'isteri yang lebih muda'. Walaupun istilah ini berbentuk frasa tetapi ia dilihat memberi makna yang lebih tepat dan jelas.(Ainon Mohd & Abdullah Hassan 2005:173).

2.6 Kesimpulan

Daripada beberapa perbincangan yang telah dibuat dalam bab ini, penulis ingin mengemukakan beberapa dapatan dan kesimpulan iaitu:

- a) Para ahli linguistik berbeza pendapat mengenai pengertian makna. Perbezaan pandangan tersebut juga menyebabkan mereka berbeza pendapat mengenai kewujudan padanan makna yang tepat bagi setiap leksikal.
- b) Terdapat pelbagai jenis makna yang diutarakan oleh para pengkaji bahasa. Di antaranya ialah makna rujukan, makna konotasi, makna emosi, makna pantangan dan makna figuratif.
- c) Makna sesuatu perkataan boleh dibezakan dengan makna perkataan lain dengan menggunakan teori medan makna iaitu mengklasifikasikan perkataan-perkataan itu mengikut kumpulan-kumpulan medan maknanya.
- d) Faktor budaya memainkan peranan dalam menentukan ketepatan padanan terjemahan makna perkataan dalam sesuatu bahasa ke dalam bahasa lain. Bagi menterjemahkan perkataan daripada budaya yang berlainan terdapat beberapa cara yang boleh digunakan sama ada unsur budaya itu dikekalkan, dihilangkan atau disesuaikan semula.